



**PERBADANAN PUTRAJAYA**  
**SYARAT PENGALIHAN / PELUPUSAN & PENGGANTIAN POKOK/ PALMA/ TANAMAN**  
**RENEK**

---

**SYARAT AM**

1. Perlu mematuhi Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172), Perintah Pemeliharaan Pokok, Bahagian VA, Seksyen 35A, 35B, 35C, 35D, 35E, 35F, 35G & 35H dan mematuhi Akta Perancangan Bandar Dan Desa Akta (Akta 171), Undang-Undang Kecil Taman (Wilayah Persekutuan Putrajaya) 2002.
2. Perlu mendapat kebenaran secara bertulis dari Jabatan Landskap dan Taman, Perbadanan Putrajaya.
3. Pemohon dikehendaki membayar kos ganti rugi bagi pelupusan aset hidup (tumbuhan) sepertimana kadar dan kaedah yang telah ditetapkan dan mendapatkan permit pengalihan/ pelupusan pokok sebelum memulakan kerja-kerja di tapak.
4. Bagi kerja-kerja pengalihan pokok, wang cagaran akan dikenakan. Wang cagaran akan dipulangkan minima 1 tahun dari tarikh siap kerja pengalihan atau selepas lawatan pengesahan oleh wakil Perbadanan.
5. Kerja-kerja pelupusan/pengalihan hendaklah dilaksanakan di bawah pemantauan orang yang berkelayakan dengan tenaga kerja mahir (**competent person**).
6. Pemohon perlu mengemukakan permohonan Permit Kerja Di Jalan sekiranya kerja-kerja pelupusan/pengalihan melibatkan penutupan jalan atau sebahagian jalan serta mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan.
7. Pemohon perlu mengemukakan jadual kerja sebelum pelaksanaan kerja-kerja pelupusan/pengalihan dilaksanakan.
8. Memastikan kerja-kerja pelupusan/pengalihan yang dilaksanakan mematuhi prosedur keselamatan operator /orang awam dan mematuhi garis panduan **MS 2478:2012 dan MS 2558: 2014**.
9. Perlu memastikan kerja-kerja pelupusan/pengalihan dilaksanakan diluar waktu puncak bagi mengelakkan kesesakan aliran trafik.
10. Pemohon dikehendaki menggantikan sebarang kerosakan terhadap landskap lembut / kejur / kematian terhadap pokok milik Perbadanan Putrajaya mengikut spesifikasi, kuantiti dan nilai yang setara sedia ada dengan kos tanggungan sendiri sebagai gantirugi kepada pihak Perbadanan Putrajaya .



**PERBADANAN PUTRAJAYA**  
**SYARAT PENGALIHAN / PELUPUSAN & PENGGANTIAN POKOK/ PALMA/ TANAMAN RENEK**

---

**SYARAT PELUPUSAN POKOK/ PALMA/ TANAMAN RENEK**

1. Perlu melaksanakan kerja-kerja pelupusan dengan menggunakan kaedah **tree riging** ( manual / kren) bagi pelupusan pokok-pokok besar/ palma berhampiran utiliti, premis kediaman, jalanraya dan kawasan berisiko.
2. Membuang/ melupuskan akar pokok dengan kaedah:
  - a. Menggali/ membongkar tunggul/ bahagian akar pokok.
  - b. Menggunakan mesin (**stump cutter**) bagi menghancurkan tunggul/ bahagian akar pokok sehingga ke dalaman 1 kaki dari aras tanah.
3. Sisa tanaman hendaklah dibersihkan dari tapak dalam tempoh masa **24 jam** kerja-kerja pelupusan dilaksanakan dan dibuang ke tempat pelupusan yang di benarkan.
4. Kerja-kerja penggantian pokok yang dilupuskan hendaklah dilaksanakan dalam tempoh **3 bulan** dari surat kelulusan atau tertakluk arahan dari pihak Perbadanan Putrajaya.
5. Pemohon dikehendaki mengemukakan satu **salinan laporan siap kerja** dan mengaturkan lawatan pemeriksaan tapak penyerahan semula tanggungjawab penyelenggaraan pokok/kawasan yang telah dibaik pulih bersama pihak Perbadanan Putrajaya.

**SYARAT PENGALIHAN & PENGGANTIAN POKOK/ PALMA/ TANAMAN RENEK**

1. Pihak Perbadanan akan menentukan kawasan yang baru bagi pokok yang dialihkan.
2. Perlu menyediakan lubang penanaman (*planting hole*) bersaiz **1.2m x 1.2m x 1.0m(dalam)** bagi penanaman pokok yang dialihkan.
3. Perlu menyediakan media tanaman/ media campuran dengan nisbah **3:2:1 (tanah atas : bahan organan (baja organik) : pasir sungai**.
4. Mencampurkan **Cristmass Island Rock Phosphate (CIRP)** atau **Triple Super Phosphate (TSP)** ke dalam lubang penanaman.
5. Pokok teduhan, lubang penanaman, campuran media tanaman dan bahan penggalak akar **Cristmass Island Rock Phosphate (CIRP)** atau **Triple Super Phosphate (TSP)** hendaklah disahkan terlebih dahulu oleh wakil Perbadanan (P.R)
6. Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan tanaman seperti pemancangan, penyiraman dengan kadar kekerapan 2 kali sehari dan lain-lain keperluan penyelenggaraan landskap minima **12 bulan @ sehingga semua pokok yang diganti hidup subur**. Pokok yang mati semasa proses penyelenggaraan perlu dilupuskan dan diganti semula dengan kadar segera.



**PERBADANAN PUTRAJAYA**  
**SYARAT PENGALIHAN / PELUPUSAN & PENGGANTIAN POKOK/ PALMA/ TANAMAN**  
**RENEK**

---

7. Pemohon dikehendaki mengemukakan satu **salinan laporan siap kerja** dan mengaturkan lawatan pemeriksaan tapak penyerahan semula tanggungjawab penyelenggaraan pokok/kawasan yang telah dibaik pulih bersama pihak Perbadanan Putrajaya.